

**SELEPAS SEBULAN**



**7** Tarik keluar tong sampah dengan cermat.



**8** Keadaan dan rupa bentuk kompos setelah dibuka selepas sebulan.



**9** Menggunakan baja kompos pada pokok jambu batu pada peringkat vegetatif dengan kadar 5-10 kg/pokok.

**KAEDAH PENGGUNAAN HASIL KOMPOS DI LADANG**

BIL.	KATEGORI TANAMAN	KADAR PENGGUNAAN
1.	Sayur-sayuran * Digaul dalam tanah	1 kg/10 meter persegi (5 mtan/ha)
2.	Buah-buahan * Ditabur di pangkal pokok	5-10 kg/setahun sepokok (bergantung kepada umur pokok)

Teknologi ini dapat membantu masyarakat terutamanya suri rumah dalam menguruskan sisa dapur mereka dengan lebih baik dan sempurna. Selain itu, ia juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap baja kimia dan secara tidak langsung akan menghasilkan makanan yang selamat dimakan serta bebas daripada residu kimia sintetik.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:



**Bahagian Hortikultur  
Jabatan Pertanian Malaysia  
Wisma Tani, Aras 10  
No. 30, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62624 PUTRAJAYA  
Tel : 03-8870 3000 Fax : 03-8888 8139  
atau Pejabat Pertanian berhampiran  
<http://www.doa.gov.my>**



# BAJA KOMPOS

dari

# SISA DAPUR



## PENGENALAN

Penggunaan baja kompos telah lama diamalkan secara meluas oleh petani untuk meningkatkan produktiviti tanaman. Ianya digunakan sebagai bahan pembaikpulih struktur tanah yang mesra alam dan menjimatkan. Kebiasaannya, baja kompos diperbuat daripada tinja haiwan ternakan dan sisa-sisa tanaman dari ladang. Negara maju seperti Jerman, Australia, Amerika Syarikat dan lain-lain telah menggunakan hasil buangan sisa dapur daripada rumah, asrama, hotel dan sebagainya untuk dijadikan baja kompos secara komersil. Di Malaysia lebih 50% sisa buangan dapur merupakan sisa daripada sayuran, buah-buahan dan ikan yang boleh dijadikan baja kompos jika diuruskan dengan betul. Ini akan dapat membantu kerajaan menguruskan sisa buangan dengan baik secara tak langsung dapat menjimatkan kos pengurusan sisa. Sisa buangan dapur mempunyai nilai nutrien yang mencukupi untuk tumbesaran tanaman dan ianya mengandungi enzim bahan organikan yang dapat membantu membaiki struktur tanah.

Pembuatan baja kompos daripada sisa dapur adalah sangat mudah untuk dipraktikkan kerana bahan-bahan yang mudah diperolehi, dan langkah penyediaannya yang lebih ringkas serta menjimatkan.

## KELEBIHAN

- Membantu masyarakat menguruskan sisa dapur mereka dengan lebih baik dan sempurna.
- Mengurangkan kebergantungan terhadap baja kimia.
- Hasil tanaman yang selamat untuk dimakan dan bebas daripada residu kimia sintetik.
- Mempunyai nilai nutrien yang lengkap.
- Mudah dipraktikkan.
- Mesra alam dan pertanian lestari.
- Dapat mengurangkan kos pengeluaran.

## PENYEDIAAN KOMPOS DARIPADA SISA DAPUR

Bahan yang diperlukan:

- Sisa dapur – (sisa makanan, sisa buah-buahan/sayur-sayuran)
- Tanah atas
- Tong sampah
- Beg plastik sampah
- Penyodok tanah

## KAEDAH PENYEDIAAN



- 1 Letakkan tong sampah yang telah ditebuk pada bahagian bawah dalam keadaan terbalik dan alaskan beg plastik sampah (supaya baja kompos yang siap mudah dikeluarkan)



- 2 Dengan menggunakan penyodok, masukkan tanah ke dalam tong sampah sebagai lapisan pertama (5% daripada ruangan tong)

- 6 Tutup tong sampah dan biarkan di tempat teduh selama sebulan sebelum ia dapat digunakan.



- 5 Isikan sisa dapur dan tanah sehingga  $\frac{3}{4}$  penuh dan ikat dengan kemas.



- 4 Masukkan tanah sebagai lapisan seterusnya untuk menutupi sisa dapur dan ulang langkah di atas. Anggaran nisbah tanah dengan sisa dapur adalah 5:1



- 3 Masukkan sisa dapur yang telah dipotong kecil menjadi cebisan sebagai lapisan kedua.



Bersambung ke mukasurat sebelah